Corak Kesusasteraan Arab di Zaman Umawi (Umāwi)

(Oleh: Abdul Aziz al-Murshidy, Kaherah)

Zaman Umawi:

Sebelum kita masuk ke dalam kajian memperkatakan "Kesusasteraan Arab di Zaman Umawi", ada lebih baik kalau kita bayangkan di sini dengan sepintas lalu; apa yang dinamakan "Zaman Umawi" itu?

Maka untuk mengetahui lebih lanjut apa yang dinamakan "Zaman Umawi", kita haruslah membuka lembaran sejarah Islam; maka di sana diterangkan dengan sejelas-jelasnya, bahawa "Zaman Umawi" itu datangnya sesudah berlalunya "Zaman Rasul dan Zaman Khulafa' al-Rasyidin." Munculnya "Zaman Umawi" di alam sejarah umat Islam adalah hasil dari pertelingkahan yang berlaku di antara Banī Hashim yang diketuai oleh Saiyidina Ali bin Abi Talib dengan Banī Umayyah yang dipelopori oleh Mu'awiyah bin Abi Sufyan, iaitu pada tahun 35 Hijrah, iaitu kemudian daripada berjayanya Mu'awiyah merampas kuasa pemerintahan Islam dari tangan Ali bin Abi Talib – kerana kajian ini hanya terbatas mauduknya dalam segi memperkatakan kesusasteraan sahaja, maka tidaklah perlu diterangkan sebab-sebab berlakunya pertelingkahan di antara kedua belah pihak itu.

Zaman Umawi ini disebut juga dengan nama "Zaman Bani Umayyah" (iaitu nisbah kepada Banī Umayyah yang diketuai oleh Mu'awiyah Bin Abi Sufyan). Dari sejak itu pemerintahan Islam yang tadinya – di zaman Khulafa' al-Rasyidin – berdasarkan demokrasi tulen, dengan menggunakan pilihan raya, mengambil suara rakyat umum sewaktu mengangkat khalifah sebagai ketua negara, dengan serta merta bertukar corak menjadi satu kerajaan yang dikuasai penuh oleh satu keluarga, iaitu keluarga Mu'awiyah Bin Abi Sufyan dengan secara warisan (pusaka turun temurun). Usaha kerajaan Banī Umayyah ini hanya tegak selama 91 tahun sahaja – iaitu mulai dari tahun 132 – 232 Hijrah tampuk pemerintahan Islam dikuasai pula oleh Banī Abbas yang yang pertama, yang disebut juga dengan nama "Zaman al-'Abbāsī al-Awwal".

Maka untuk melanjutkan kajian ini marilah kita meninjau ke alam sejarah masyarakat manusia yang berada di "Zaman Umawi" dari sudut agama, akal, politik, ekonomi dan pergaulan, dan apa perhubungan masyarakat dengan alam kesusasteraan yang hidup subur di zaman itu?

(1) Kehidupan masyarakat dari sudut agama:

Kalau kehidupan masyarakat di zaman jahiliyah bercorak metarial, berdasarkan kepentingan diri sendiri; yang kuat menguasai si lemah, yang kaya memeras tenaga si miskin, yang pandai menindas si bodoh, tingkatan bangsawan menzalimi rakyat jelata yang

terdiri dari tingkatan marhaen. Tetapi kehidupan masya i kat[1] di zaman Umawi, berdasarkan budi pekerti yang tinggi mulia, tolong menolong, jujur ikhlas dan menyerah diri bulat-bulat kepada takdir Tuhan, qada dan qadar; hingga banyak didapati di antara golongan para ulama dan ahli tasawuf di zaman itu, tidak mementingkan harta benda dunia, malahan harta itu mereka pandang hina, mereka anggap sebagai satu alat daya penarik yang akan menceburkan mereka ke jurang kebinasaan, yang akan membimbing mereka ke arah pintu kecelakaan pada hari akhirat nanti.

Perasaan-perasaan yang seumpama ini adalah timbul dari kesan-kesan āyat-āyat suci yang bercorak taqwa dan zuhud yang mereka baca setiap hari dari lembaran al-Qur'ān, perasaan-perasaan ini telah menjadi sebati dengan jiwa dan darah daging mereka. Nyata sekali mulai dari zaman Umawi inilah orang-orang muslimin dari golongan ulama, ahli tasawuf dan pengikut-pengikutnya sudah tidak lagi memahami āyat-āyat suci al-Qur'ān sebagaimana fahaman yang tertanam di jiwa kaum muslimin yang berada di zaman rasul dan Khulafa' al-Rasyidin, mereka – orang-orang muslimin di zaman Umawi – tidak lagi mementingkan āyat-āyat suci yang bercorak keduniaan, yang menyeru agar umat-umat Islam mengatur tata tertib hidup bermasyarakat, masyarakat yang teratur rapi, masyarakat yang menuju ke arah kemajuan, untuk menggantikan corak hidup masyarakat kuno, masyarakat jahiliyah yang mundur dan kucar kacir itu.

Dari sejak itu perhubungan jiwa di antara para ulama dengan orang-orang pemerintah mulai renggang, ulama menganggap bahawa orang-orang yang memegang teraju pemerintahan negara sudah terpesong keluar dari dasar pengajaran-pengajaran Islam yang menyeru manusia seluruhnya agar hidup damai, memada dengan segala sesuatu yang telah ada, tidak perlu berperang melanggar negeri orang lain. Di pihak pemerintah pula menuduh para ulama sudah kematian semangat Islam tulen, mesti berani, gagah perkasa seperti semangat yang tersemat pada jiwa setiap orang muslimin di zaman rasul dan sahabat-sahabatnya. Perasaan jiwa di antara dua golongan ini sudah tidak secocok lagi – sekandang tidak sebau – dari sejak itu timbullah unsur-unsur yang membawa kepada perselisihan faham antara para ulama dengan pembesar-pembesar negara, hasil dari persengketaan ini timbullah satu fahaman baharu, fahaman yang menyeru agar agama dengan negara hendaklah diasingkan.

<u>Pengaruh zuhud dan taqwa dalam syair (syair) Umawi:</u>

Para pujangga, sasterawan-sasterawan dan ahli-ahli syair zaman Umawi, sangat terpengaruh sekali dengan perasaan-perasaan batin yang ada pada jiwa para ulama dan ahli-ahli tasawuf; Oleh itu kalau kita membaca syair-syair Umawi yang bercorak agama, maka sebahagian besar daripadanya dijalin dengan mauduk yang berupa zuhud, taqwa dan tawakal (menyerahkan diri bulat-bulat kepada qada dan qadar). Supaya lebih jelas maka dibawah ini kita bawa beberapa contoh syair-syair agama yang digubah oleh beberapa orang penyair di zaman Umawi.

Sebagai contoh yang pertama marilah kita ambil beberapa rangkap syair yang diciptakan oleh seorang penyair Banī Umayyah yang bernama "al-Ṭirāmāḥ".

[1] Ejaan sebenar adalah 'masyarakat'

Setiap yang bernyawa akan mati,

Masanya akan tiba sudah pasti,

Hairan! Sungguh aku hairan sekali,

Melihat gelagat manusia keji,

Mengumpul harta beribu kati.

Pemberian Tuhan dibuang dihamburi,

Solah-solah[2]nya mereka tidak mempercayai,

Di sana akan datang satu hari,

Hari yang tidak biasa membela diri,

Dengan harta benda dan anak lelaki.

Hari pembalasan pasti akan tiba,

Hari dikira dosa pahala,

Jin, manusia tak bisa berdusta,

Kaki tangan berbicara berkata.

Ulasan:

Al-Ṭiramāḥ dengan syair gubahannya di atas sangat terpengaruh sekali dengan āyat- āyat suci yang bercorak zuhud dan taqwa, agar manusia selalu awas dan waspada, sentiasa ingat kepada mati; dalam syair di atas dia memberi ingat kepada orang-orang yang lalai dengan mengatakan: Bahawa setiap makhluk Tuhan yang bernyawa di muka bumi itu pasti akan mati, dan hari mati itu lambat laun pasti akan tiba. Dia sangat merasa terharu sewaktu melihat manusia yang hidup bertuhankan kebendaan, sedangkan harta kekayaan yang mereka perolehi itu tidak mereka belanjakan ke jalan yang benar, malahan dihambur-hamburkan ke tempat yang tidak diredai Tuhan, seolah-olah mereka tidak mengetahui, bahawa di sana akan tiba satu hari; Hari yang tidak ada gunanya sama sekali harta benda dan anak pinak bagi melepaskan diri dari seksaan-seksaan yang telah dijanjikan oleh Tuhan terhadap orang-orang yang derhaka dan melanggar perintah-Nya. Hari yang manusia dan jin tidak bisa lagi berdusta, lantaran pada hari itu segenap anggota badan akan menjadi saksi di hadapan Tuhan menyatakan segala sesuatu perbuatan baik dan jahat yang telah mereka lakukan semasa hidup di dalam dunia dahulu.

Rangkapan-rangkapan syair (syair) di atas seratus peratus bercorak agama dan kata-katanya di petik dari beberapa potong āyat- āyat suci yang tercatit di dalam al-Qur'ān.

"Setiap yang bernafas (bernyawa) itu pasti akan mati". (surah Āli 'Imrān āyat 185)

"Apabila sampailah ajal mereka itu, tidaklah dia akan terlewat dan tidak pula akan terdahulu, walau sesaat jua pun".

(surah Yūnus āyat 49)

"Hari yang tidak akan memberi manfaat harta benda dan anak-anak". (surah al-Shūrā āyat 88)

"Hari yang akan naik saksi, lidah tangan dan kaki mereka itu, akan segala sesuatu yang mereka lakukan." (surah al-Nūr āyat 24).

* * *

Sebagai contoh yang kedua, ikutilah beberapa lagi syair yang digubah oleh seorang penyair Umawi yang lain yang bernama 'Urwah Bin 'Uzaimah:

Sesungguhnya aku yakin percaya,

yang menjadikan aku Tuhan Yang Maha Kaya,

yang melimpahkan rezeki kepada hamba,

dengan tidak ada perhitungan kira.

[2] Dalam teks Qalam bertulis: 'solah-solahnya' sedangkan ejaan sebenar ialah 'seolah-olahnya'

Aku bekerja membanting tulang,

Rezeki Tuhan menggolek datang,

Aku diam bersenang lenang,

Rezeki juga datang melayang.

Tuhanku Maha Pemurah,

Terhadapku yang bersifat lemah,

Hidupku hanya sebatang karah[3],

Rezekiku selalu datang mencurah.

Ulasan:

'Urwah dalam syarahnya yang bercorak tawakal ini, mengatakan bahawa, Tuhan sekali-sekali tidak akan membiarkan setiap hamba-Nya hidup dengan tidak disediakan rezeki untuknya; Orang-orang yang rajin bekerja, berusaha membanting tulang akan Tuhan kurniakan rezeki sekadar tenaga usahanya; Begitu pula halnya dengan orang-orang pemalas, tidak mahu bekerja, juga disediakan rezeki untuknya. Dia sendiri sudah lama hidup bekerja membanting tulang dan pernah pula mencuba hidup malas tidak mahu bekerja, namun begitu dia bisa juga hidup, rezekinya tetap datang mencurah tidak pernah putus; Dengan ini dia bertambah yakin bahawa Tuhan yang menjadikan segenap makhluk di muka bumi ini adalah bersifat pemurah dan penyayang.

Lihatlah betapa tebalnya perasaan "tawakal" yang terpendam di jiwa seorang penyair di zaman Umawi, hingga dapat dia menggambarkan dengan jelas sifat tawakalnya itu di dalam jumlah-jumlah kata syair gubahannya. Jumlah-jumlah kata yang terkandung dalam rungkapan-rungkapan syair di atas mungkin dipetiknya dari sepotong hadith Rasulullah (S.A.W) yang ertinya:

"Kalau sekiranya kamu bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benarnya tawakal, nescaya Tuhan akan memberi rezeki untuk kamu, sebagaimana Dia memberi rezeki kepada burung yang keluar di pagi hari dengan perut kosong dan pulang pada sebelah petang dengan perut berisi."

Dalam contoh yang ketiga ini, kita bawa para pembaca sekalian mengikuti beberapa rangkapan syair agama yang bercorak "taqwa", syair-syair yang seumpama ini memang banyak didapati pada zaman Umawi; Syair ini adalah buah ciptaan seorang penyair Banī Umayyah yang terkemuka bernama Dhu al-Rummah:

Hai Tuhan! Sesunggunya ajalku,

Telah mendekati batang tubuhku,

Aku yakin percaya kepada kudrat-Mu,

Umurku telah Kau tentukan dari dahulu.

Hai Tuhan! Yang mengeluarkan nyawa,

Dari tubuhku yang tidak bermaya,

Apabila tiba masa ajalku menjelma,

Hindarkanlah aku dari angkara mereka,

Jauhilah tubuhku yang tidak berdaya,

Dari seksaan api neraka yang merah menyala.

Ulasan:

Perhatikanlah betapa mendalamnya perasaan taqwa yang dibayangkan oleh si penggubah syair ini; Dengan sebab terlalu takutnya dia kepada mati, hingga dia sendiri selalu merasakan bahawa ajal mautnya sudah hampir tiba; Di kala itu dia lantas munajat dan berdoa kepada Tuhan, memohon sebelum dia mati, Tuhan akan membersihkan dirinya dari segala dosa, dihindarkan dari segala

[3] Dieja kaf-alif-ra-ha

perbuatan yang tidak diredhai-Nya. Setelah dia mati, dia bermohon pula, agar batang tubuhnya yang telah tidak mempunyai daya upaya itu dijauhkan dari seksaan api neraka yang panas membakar itu.

Menurut orang yang meriwayatkan syair ini mengatakan bahawa syair tersebut digubah oleh Dhu al-Rummah sewaktu dia sedang sakit di tempat pembaringan, di saat itu dia merasakan benar-benar ajal mautnya sudah hampir tiba, oleh itu kata-kata syair tersebut tidak lepas dari mulutnya dalam masa dia nazak menghadapi maut, hingga ketika dia menghembuskan nafasnya yang terakhir menemui Tuhan dengan jiwa yang tenang.

* * *

Sebagai contoh yang keempat marilah pula kita meninjau beberapa rangkap syair agama yang digubah oleh seseorang lagi penyair Banī Umayyah yang terkenal nakal (fasik) tetapi mempunyai jiwa keagamaan yang kuat mendalam; Namanya ialah "al-Farazdaq"

Al-Farazdaq ketika mengiringi jenazah isterinya ke pekuburan; Dia ditanya oleh Hasan al-Basri – seorang ulama tasawuf yang terkemuka di zaman itu – katanya: "Apakah persediaan yang telah engkau buat untuk bekalanmu masuk ke liang lahad?

Jawab al-Farazdaq: "Aku telah mengucap dua kalimah syahadah dari sejak delapan puluh tahun."

Berkata pula Hasan al-Basri: "Itu hanya pokoknya sahaja, apa persediaan-persediaan yang lain lagi?"

Maka al-Farazdaq lantas menjawab dengan beberapa potong syair berbunyi:

Kalau aku tidak dapat keampunan dari Tuhan,
Aku takut menghadapi seksaan di belakang kuburan,
Seksaan-seksaan yang keras pedih bukan buatan,
Dari nyalaan api yang menghancuri badan.

Apabila tiba hari segala amalan dikira,
Akan datanglah kepadaku malaikat perkasa,
Menarik menghela dengan keras dipaksa,
Akan tubuh si al-Farazdaq yang banyak dosa.

Ulasan:

Meskipun jawapan yang diberikan oleh al-Farazdaq terhadap pertanyaan yang dikemukan oleh Hasan al-Basri itu tidak begitu tepat; tetapi dapatlah kita mengambil satu kesimpulan dengan meninjau jumlah-jumlah kata yang tersusun di dalam rungkapan syair di atas, menunjukkan bahawa al-Farazdaq – yang terkenal di zaman Umawi seorang penyair nakal dan fasik itu – dijiwanya tertanam perasaan taqwa yang mendalam, merasa gentar dan takut kepada seksaan-seksaan yang telah dijanjikan Tuhan terhadap orang-orang yang berdosa pada hari kiamat nanti, dia sendiri sering kali merasakan kurang tenteram terhadap dirinya, dia insaf dan sedar, yang dia sudah pernah melakukan perkara-perkara yang tidak diredhai Tuhan, oleh itu dengan secara tabi'i segala perasaan batin yang sedang bergelora di sanubarinya itu dapat digambarkannya dengan jelas di dalam jumlah-jumlah kata syair yang digubahnya itu, dibayangkannya gentaran jiwanya sewaktu akan menghadap Tuhan nanti, bagaimana dan apa yang akan terjadi di atas dirinya, kalau dia tidak mendapat keampunan dari Tuhan, nescaya akan hancurlah tubuh badannya yang tidak bermaya itu dimakan api neraka jahanam yang bernyala-nyala dengan hebatnya itu, dan akan datanglah kepadanya

malaikat Zabaniyah yang bermuka bengis itu menjemput dia bersemayam di gedung penyeksaan dengan secara kejam dan kasar, tubuhnya yang telah tidak mempunyai daya upaya itu akan diseret dihela dengan bengis ke pintu neraka jahanam.

* * *

Sebagaimana contoh yang terakhir, kita cuba pula meninjau agak sejenak ke medan syair Umawi yang corak serangan (kejian) tetapi berunsur agama. Diantara penyair-penyair Banī Umayyah yang bijak menggubah syair-syair yang bercorak kejian atau serangan ini ialah al-Farazdaq. Perhatikanlah beberapa rangkap syair ciptaan al-Farazdaq sewaktu dia menyerang dan mengkaji iblis yang bersifat sombong dan takbur itu, katanya:

Hai iblis, adakah aku kan setia,
Kepadamu yang takbur durjana?
Dikala usiaku dah lanjut tua,
Ketika al-la-ku[3] dah hampir tiba?

Dikala itu aku kan lari,
Di bawah naungan *Rabb al-'Izzati*,
Di sana aku akan hidup berbakti,
Aman sentosa disamping hari.

Adam, Hawa yang hidup sentosa,
Kau keluarkan dari nikmat syurga,
Sejak beberapa abad kau ditaati,
Oleh malaikat kau dipuja dipuji.
Kiranya kau selamanya iblis durjana,
Aku kini takkan bisa kau pesona.

Ulasan:

Dalam rangkapan-rangkapan syair yang lalu, kita dapat menyaksikan betapa mendalamnya perasaan benci al-Farazdaq terhadap iblis yang bersifat takbur dan bongkak itu, diserangnya iblis habis-habisan dengan kata-kata yang terbit dari perasaan hati yang penuh dengan kebencian; Hingga digubahnya beberapa rangkap syair yang mengandung khayal yang membayangkan, bahawa dia pada suatu ketika pernah berhadapan, berdebat dengan iblis dan menyerangnya dengan kata-kata yang keras dan kasar:

"Hai iblis! Kini umurku sudah lanjut, ajalku sudah hampir pula tiba, janganlah kau mencuba-cuba untuk memperdayakan aku lagi, kerana kini aku sudah bernaung di bawah penjagaan Tuhan Yang Maha Kuasa, aku akan terhindar dari segala tipu dayamu, aku akan hidup aman sentosa sepanjang waktu, kalau di zaman silam kau dapat memperdayakan Adam dan isterinya Hawa dengan menggunakan tipu helahmu yang tajam itu, hingga akhirnya kau berjaya mengeluarkan kedua-duanya dari syurga yang dipenuhi dengan berbagai-bagai nikmat yang tak ternilai, sedangkan kau dahulunya adalah dari golongan malaikat yang dihormati di langit, tetapi setelah sifat sombong bongkak dapat menjadi raja dihatimu; Dari sejak itu kau dilaknat Tuhan dan dijadikan sehina-hina makhluk di dunia dan akhirat. Ya! kini kau cuba pula mencari jalan untuk menjerumuskan aku ke jurang kebinasaan; tetapi aku tegaskan: Nyahlah kau dari sisiku, segala angkara mereka yang telah kau sediakan untuk menyeret aku ke jurang kecelakaan itu, tidak akan berjaya, kerana diriku kini telah aku letakkan di bawah penjagaan Tuhanku Yang Maha Pengasih".

Begitulah agaknya kekhayalan-kekhayalan yang bermain diotak

[3] Ejaan sebenarnya ialah ajalku

al-Farazdaq, sewaktu dia menggubah rangkapan-rangkapan syair tersebut.

Kesimpulan dari beberapa contoh syair yang telah dibentangkan tadi dapatlah kita tegaskan betapa kuat dan mendalamnya perasaan zuhud, taqwa dan tawakal yang tertanam dijiwa para penyair Banī Umayyah, hingga kesan-kesan dari perasaan tersebut dapat digambarkan oleh mereka dengan terang dan jelas di dalam jumlah-jumlah kata syair-syair yang digubah mereka. Kalau kita kembali membuka lembaran sejarah kesusasteraan Arab di zaman Umawi, maka di sana kita jumpai sebahagian besar dari jumlah-jumlah kata-kata yang terkandung di dalam rangkapan-rangkapan syair di zaman itu adalah bercorak agama yang disaduri dengan mauduk zuhud, taqwa dan tawakal, yang semuanya itu dipetik dari āyat- āyat suci al-Qur'ān dan dipadankan dari hadith-hadith Nabi.

Sungguhpun banyak lagi contoh syair agama yang bercorak sedemikian rupa, tetapi buat pengisi halaman makalah yang berupa kajian sepintas lalu ini, memadalah dengan segala yang telah dibentangkan.

In shā' Allah dalam makalah yang akan datang semoga dapat pula saya menulis sebagai lanjutan makalah ini berhubung dengan "kehidupan masyarakat Umawi dari sudut akal dan pengetahuan", dengan membentangkan pula beberapa contoh syair Umawi yang ada kesan perhubungan dengan tajuk mauduk tersebut.

—oOo—

Bacalah!

Isteri-Isteri Nabi

Dipersesuaikan oleh: Umm Muhsin daripada kitab

Nisā' al-Nabiyy karangan **Dr Bint al-Shāṭi'**

Sebuah buku yang menggambarkan dengan sejelasnya-sejelasnya rumahtangga Rasulullah *ṣallā Allāhu ʿalayhi wa sallam* yang menjadi ikutan dan contoh utama bagi umat Islam seluruhnya.

Sebuah buku yang sangat penting dibaca, terutama oleh wanita-wanita Islam.

Tebalnya 242 muka dan harganya $2.50 sahaja

tambah belanja mengirimnya 20 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

QALAM

8/356, GEYLANG ROAD

SINGAPORE, 14.